

**STRUKTUR AYAT PASIF: SATU PERBANDINGAN ANTARA BAHASA MELAYU DAN  
BAHASA THAI**  
**STRUCTURE PASSIVE SENTENCE: A COMPARISON BETWEEN MALAY LANGUAGE AND  
THAI LANGUAGE**

IBROHIM MALEE<sup>1</sup>

**Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk melihat persamaan dan perbezaan struktur ayat pasif antara bahasa Melayu dan bahasa Thai. Ayat pasif ialah ayat yang asalnya daripada ayat aktif transitif dan mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Makalah ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan untuk menganalisis struktur ayat pasif kedua-dua bahasa tersebut. Hasil perbincangan makalah ini, didapati bahawa di antara kedua-dua bahasa itu mempunyai struktur ayat pasif yang sama dan berbeza sedikit. Umumnya bahasa Melayu mempunyai penanda pasif imbuhan awalan 'di-' dan perkataan 'kena'. Manakala penanda pasif bahasa Thai ialah perkataan 'dairap' (ได้รับ) dan perkataan 'tuuk' (ถูก). Struktur ayat pasif kedua-dua bahasa pula mempunyai sedikit perbezaan seperti perkataan 'kena' akan menghadiri sebelum kata kerja dasar dalam bahasa Melayu, namun struktur ayat pasif bahasa Thai perkataan 'tuuk' (ถูก) itu menghadiri sebelum kata nama. Antara perbezaan yang lain seperti struktur ayat pasif bahasa Melayu tidak boleh digugurkan penanda ayat pasif, tetapi struktur ayat bahasa Thai dapat digugurkan penanda pasifnya.

**Kata Kunci** : Struktur, ayat pasif, bahasa Melayu, bahasa Thai

**Abstract**

This article was aimed to compare the passive sentence structures between Malay and Thai language. Hence, Passive sentence is derived from transitive active sentence and emphasize an object as a topic or a head sentence. Comparative study were applied for analyze the passive sentence structures from both languages. The result showed that in general both languages have a same structure with slightly different. Malay language had prefix 'di-' passive marker and word 'kena', while Thai language used the word 'dairap' (ได้รับ) and 'tuuk' (ถูก) for language passive marker. Other than that, in Malay the word 'kena'

---

<sup>1</sup> Lecturer, Department of Thai and Eastern Language, Faculty of Humanities, Ramkhamhaeng University  
E-mail : himmee14@gmail.com

\*Manuscript received July 21, 2018; revised August 23, 2018 and accepted September 18, 2018

occurs before main verb, but in Thai language the word 'tuuk' (ถูก) occurs before a noun. In addition, Malay language not be able to eliminated a passive sentence marker, but it can be implemented in Thai language.

**Keywords** : structures, passive sentence, Thai language, Malay language

## PENGENALAN

Sesuatu alat komunikasi yang penting untuk berhubung di antara seseorang dengan orang lain ialah bahasa. Bahasa juga merupakan salah satu identiti bagi sesuatu bangsa di dunia. Prasert (2013, p.70), bahasa Melayu salah satu bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Di Indonesia, bahasa Melayu kini dipanggil bahasa Indonesia dan di Malaysia juga bahasa Melayu secara rasminya dipanggil bahasa Malaysia. Selain daripada keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga dituturkan oleh penduduk-penduduk Melayu di Selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Bahasa Thai ialah bahasa rasmi negara Thailand. Bahasa Thai sebagai bahasa ibunda dan sebagai bahasa keturunan etnik negara Thailand. Bahasa Thai juga tergolong dalam suku kumpulan kecil dalam keturunan bahasa Thai-kadai dan dianggap bahawa keluarga bahasa ini berasal dari selatan China. Beberapa ahli bahasa telah mencadangkan bahawa bahasa Thai mungkin dikaitkan dengan keluarga bahasa Austro - Asia. Austro keluarga bahasa Pholenicia keturunan China – Tibet. Bahasa Thai, bahasa yang mempunyai nada yang khusus dan sukar bagi warga asing untuk dipelajari, oleh kerana sebutan yang digunakan dengan gaya suara yang unik bagi setiap perkataan dan kompleks ejaan (Wikipedia, 2017).

Walaupun bahasa Melayu dan bahasa Thai ialah suatu bahasa yang serumpun dalam Austronesia sakalipun, kedua-dua bahasa tersebut amat berbeza di antara kedua-duanya. Namun, bagi pengkaji kedua-dua bahasa itu amat penting untuk kegunaan seharian, oleh itu makalah ini, pengkaji akan meneliti terhadap penelitian struktur ayat pasif kedua-dua bahasa. Ayat pasif boleh dibentuk daripada ayat aktif transitif, tetapi ayat aktif tak transitif tidak boleh dipasifkan. Pembentukan ayat aktif dan pasif tergolong dalam huraian ragam ayat bidang sintaksis. Ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan subjek terbitan sebagai judul dalam ayat tersebut. Dalam bahasa Melayu, huraian antara ayat aktif dengan ayat pasif umumnya melibatkan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan.

Bagi masyarakat bilingual, kedua-dua bahasa itu sangat penting, lebih-lebih lagi terhadap struktur-struktur ayat. Makalah ini dianggap penting dan menjadikan panduan kepada para pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji lebih mendalam terhadap struktur ayat bahasa, khususnya struktur ayat pasif dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai.

## **PERMASALAHAN**

Secara umumnya kajian yang telah dilakukan tentang perbandingan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai masih kurang pengkaji melakukan, halnya ada beberapa kajian yang telah dilakukan seperti kajian Kamaruddin Isaya (2012) yang bertajuk “A Comparative Study of Word Classes, Phrase and Sentence Structures of Standard Malay and Standard Thai”. Kajian beliau hanya membuat perbandingan secara umum terhadap bahasa Melayu dan bahasa Thai. Manakala kajian yang dilakukan oleh Che Su et al. (2011), bertajuk “Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu: satu perbandingan”. Kajian Che Su et al. (2011), hanya mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam struktur ayat tanya antara bahasa Thai dengan bahasa Melayu dan melihat punca kesalahan dan kesilapan dalam membentuk ayat tanya bahasa Thai dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia sahaja. Dengan adanya kajian-kajian lepas itu, pengkaji ini cuba melakukan perbandingan di atas struktur ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai dengan melihat sama ada wujud persamaan ataupun perbezaan penanda pasif dalam struktur ayat dan melihat pengguguran, penambahan ataupun perubahan kedudukan struktur ayat pasif dalam kedua-dua bahasa tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Makalah ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penulis bagi menunjukkan perbezaan yang terdapat antara kedua-dua ayat pasif antara bahasa Melayu dan bahasa Thai. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui pasti perbezaan penanda pasif yang digunakan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai.
- ii) Mengetahui pasti pengguguran, penambahan ataupun perubahan kedudukan dalam struktur ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini amat penting dalam melakukan sesuatu kajian, kerana pengkaji dapat mengetahui tentang kajian-kajian terdahulu dan dapat mengelakkan daripada melakukan kajian yang sama. Kajian-kajian terdahulu juga dapat membantu dan memberi idea dalam melakukan kajian ini. Antara kaedah kepustakaan itu, pengkaji mengumpulkan bahan-bahan tentang struktur ayat pasif yang ada pada kedua-dua bahasa tersebut iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai. Setelah dapat bahan-bahan tersebut pengkaji mengenalpastikan tentang

struktur ayat pasif kedua-dua bahasa untuk membuat perbandingan sama ada wujud persamaan atau perbezaan melalui struktur rajah pohon dan memberi pola struktur ayat pasif.

### **KAJIAN LEPAS**

Kajian yang dilakukan oleh Che Su et al. (2011). yang bertajuk “Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu: satu perbandingan” beliau telah mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam struktur ayat tanya antara bahasa Thai dan bahasa Melayu, kedua untuk mengenal pasti punca kesalahan dan kesilapan dalam membentuk ayat tanya bahasa Thai dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia, Sampel kajian adalah terdiri daripada 80 orang pelajar yang mempelajari bahasa Thai pada tahap satu hingga tahap tiga. Teori analisis bezaan dan kesalahan diterapkan dalam kajian ini. Daripada kajian ini didapati bahawa ayat tanya bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai perbezaannya. Hal ini telah menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam penulisan ayat tanya. Lebih-lebih lagi dengan faktor gangguan pada bahasa ibunda mereka.

Manakala kajian yang terdapat satu lagi yang dilakukan oleh Kamaruddin Isaya (2012), yang bertajuk “A Comparative Study of Word Classes, Phrase and Sentence Structures of Standard Malay and Standard Thai”. Kajian beliau juga mengenal pasti perbandingan dalam struktur klausa dan struktur ayat bagi bahasa Melayu standard dengan bahasa Thai, terdapat bahawa struktur ayat bahasa Melayu standard itu banyak ada persamaan dengan bahasa Thai, tetapi terdapat juga ada perbezaan. Dalam mengenal pasti terdapat bahawa bahasa Thai diberikan golongan kata-kata mengikut tugas dalam struktur ayat.

Secara keseluruhannya, kajian sebelum ini tidak lagi membuat perbandingan struktur ayat pasif antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai, jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan ini. Oleh kerana kajian yang telah dilakukan oleh Kamaruddin Isaya (2012), melakukan perbandingan secara umum antara bahasa Melayu dan bahasa Thai, namun Che Su et al. (2011), membuat perbandingan ayat tanya dalam bahasa Melayu dengan bahasa Thai. Walau bagaimanapun, kajian-kajian beliau banyak membantu pengkaji dalam menjana idea untuk menghasilkan kajian ini.

### **CIRI-CIRI TATABAHASA TRANSFORMASI GENERATIF**

Sistem tatabahasa transformasi yang diasaskan oleh Chomsky ini walaupun merupakan lanjutan daripada apa yang telah dibangunkan bersama Harris, namun terdapat perbezaan pendapat dengan apa yang telah dikemukakan oleh Harris. Ternyata sistem tatabahasa berdasarkan Chomsky ini telah menarik perhatian ramai dan telah menerima kesinambungan berterusan yang ekstensif. Chomsky seterusnya menyatakan bahawa teorinya dapat memperlihatkan ciri-ciri universal dalam mengkaji semua bahasa manusia. Menurut beliau semua bahasa yang digunakan oleh manusia adalah berasaskan peraturan yang sama.

Teori transformasi generatif menyatakan bahawa ayat-ayat dalam sesuatu bahasa tidak terhad bilangannya. Walaupun tidak terhad, ayat-ayat ini terbina atas peraturan-peraturan pembentukan ayat yang terbatas bilangannya. Pembinaan ayat daripada struktur-struktur asas dikenal sebagai ayat inti yang dapat melalui proses transformasi. Ayat ini terdiri daripada subjek dan predikat yang tidak diwarnai oleh sebarang suasana seperti pertanyaan, suruhan dan sebagainya (Nik Safiah et al., 2014).

Dalam tatabahasa transformasi generatif penentuan sama ada sesuatu ayat itu gramatis atau tidak boleh dikaitkan dengan persepsi intuisi seseorang penutur terhadap sesuatu yang disebut *struktur dalaman*, iaitu struktur yang sifatnya amat dasar dan menjadi asas kepada pembentukan atau penerbitan ayat-ayat lain yang lebih kompleks. Persepsi yang dimaksudkan ini memungkinkan seseorang penutur mengenali sesuatu ayat yang mempunyai persamaan makna dengan suatu ayat yang lain, atau dengan kata lain, ia dapat mengenal pasti ayat-ayat yang berparafraza (Nik Safiah et al., 2014).

Oleh yang demikian, tatabahasa transformasi generatif melihat ayat sebagai mengandungi dua peringkat. Pertama, peringkat *struktur dalaman*, iaitu struktur yang biasanya mengandungi bentuk ayat dasar atau ayat inti yang diperlukan untuk membentuk asas makna ayat, atau dengan kata lain membentuk semantik ayat. Kedua, peringkat *struktur permukaan*, iaitu struktur ayat yang biasanya telah mengalami perubahan daripada struktur dalamannya, dan merupakan bentuk ayat yang akan sebenarnya diucapkan oleh si penutur, dan yang diperlukan untuk ditafsirkan oleh bahagian bunyi bahasa yang dinamai komponen fonologi. Apabila terdapat suatu ayat daripada jenis struktur permukaan yang berasal daripada dua struktur dalaman atau lebih, maka akan wujud keadaan ketaksamaan ayat. Apabila terdapat dua jenis ayat permukaan yang berasal daripada halnya satu struktur dalaman, maka akan berlaku pula ayat-ayat yang bersifat parafraza.

### PROSES PENYUSUN SEMULA

Menurut Nik Safiah et. al. 2014, dalam proses penyusunan semula, bentuk perkataan dalam ayat asal diubah susunannya dan diterbitkan semula dalam satu struktur ayat gramatis yang baharu. Proses penyusunan semula ayat-ayat, biasanya, akan mengakibatkan berlaku perubahan atau penguguran kata-kata tertentu, dan penggantian atau penambahan kata-kata lain pada ayat yang diterbitkan. Namun demikian, pada umumnya, proses penyusunan semula ayat-ayat tidak membawa perubahan makna ayat.


Penyusunan semula frasa nama sebagai subjek boleh berlaku melalui proses transformasi pasif. Perhatikan ayat yang berikut:

- (a) Ali menendang bola itu.
- (b) Bola itu ditendang oleh Ali.


Ayat (a) ialah ayat aktif; subjek frasa nama ialah *Ali* dan objeknya, *bola itu*.

Ayat (b) ialah ayat yang telah dipasifkan, yang menyebabkan frasa nama *bola itu* yang berfungsi sebagai objek dalam ayat aktif dikedepankan untuk menjadi subjek yang baharu kepada ayat pasif, sementara subjek asal, iaitu *Ali* dalam ayat (a), telah berpindah kepada kedudukan selepas kata kerja. Imbuhan kata kerja juga berubah, iaitu *meN-* digantikan dengan *di-* dan kata sendi *oleh* mendahului frasa nama *Ali*.

Penyusunan semula daripada ragam ayat aktif kepada ragam ayat pasif mudah dijelaskan melalui rajah pohon seperti yang berikut:



transformasi pasif



## PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Pada bahagian dapatan ini, pengkaji akan membuat perbincangan hasil yang terdapat ke atas kedua-dua struktur ayat pasif, iaitu struktur ayat pasif bahasa Melayu dan struktur ayat pasif bahasa Thai untuk membuat perbandingan di antara struktur ayat itu sama ada wujud persamaan ataupun perbezaan. Namun, perbincangan hanya membuat di atas ragam ayat yang berbentuk pasif sahaja. Ayat pasif ialah ayat yang terbentuk asalnya daripada ayat aktif transitif, dan mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan (Nik Safiah et al., 2014, p. 483). Pada umumnya didapati bahawa struktur ayat pasif dalam bahasa Melayu dan Bahasa Thai mempunyai beberapa ciri yang sama dan berbeza. Berikut adalah contoh-contoh:

### 1. Penanda pasif di antara ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai

Penelitian awal didapati bahawa struktur ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai itu mempunyai penanda kata pasif. Penanda kata pasif bahasa Melayu seperti awalan *di-*, awalan *ter-* dan perkataan *kena*. Manakala penanda kata pasif dalam bahasa Thai seperti perkataan *tuuk* (ถูก) dan perkataan *dairap* (ได้รับ). Berdasarkan kedua-dua penanda ayat pasif itu, jelas bahawa awalan *di-* dalam bahasa Melayu memberi makna yang sama dan memainkan tugas yang sama dengan penanda ayat pasif *tuuk* (ถูก) dalam bahasa Thai. Manakala penanda ayat pasif *kena* pula memberi makna yang sama dengan penanda ayat pasif *dairap* (ได้รับ).


#### 1.1 Penanda pasif berimbuhan *di-* dengan penanda pasif *dairap* (ได้รับ)

Berikutnya adalah ayat pasif yang didapati sama ada ayat pasif dengan penanda imbuhan *di-* dan ayat pasif dengan penanda pasif *dairap* (ได้รับ);

(1a) Dia *diundang* oleh Ahmah. (BM)


(1b) เขาได้รับเชิญจากอาหะมะะ [khau *dairap* cen chak ahmad](BT)

Ayat pasif berimbuhan *di-* (1a), kehadiran kata sendi *oleh* bersifat pilihan apabila kata kerja yang berawalan *di-* di ikuti langsung oleh objek kata kerja pasif. Ketidakhadiran frasa nama pelaku adalah untuk memberi penekanan pada subjek ayat selain tidak mahu menzahirkan pelakunya. Namun, ayat pasif imbuhan *di-* dapat disamai dengan perkataan ayat pasif *dairap* (ได้รับ) dalam bahasa Thai. Penyusunan ayat pasif mudah dijelaskan melalui rajah pohon seperti yang berikut:



rumusan rajah pohon ayat BM (1a)

Ayat pasif BM (1a), terdapat bahawa struktur ayat pasif imbuhan *di-* boleh digantikan dengan perkataan *dairab* (ได้รับ) dalam ayat pasif bahasa Thai. Seperti mana yang dijelaskan melalui rajah pohon ayat BT (1b) seperti yang berikut:



rumusan rajah pohon ayat BT (1b)

Ayat BT (1b), perkataan *dairab* itu berfungsi sebagai imbuhan pasif *di-* dan kata sendi *chak* (จาก) juga bertugas seperti kata sendi *oleh* dalam bahasa Melayu. Berdasarkan rumusan rajah pohon ayat pasif BM (1a) dan rumusan rajah pohon ayat pasif BT (1b), Maka dapat memberikan pola struktur ayat pasif terhadap kedua-dua bahasa itu seperti berikut:

<b>BM: FN + di- FK +(oleh) + FN</b>
<b>BT : FN + <i>tdairab</i> (ได้รับ) + FK +chak (จาก) +FN</b>



56 วารสารมนุษยศาสตร์ ฉบับบัณฑิตศึกษา


1.2. Penanda ayat pasif *kena* dengan penanda ayat pasif *tuuk* (ถูก)

Berikutnya adalah ayat pasif yang didapati sama ada ayat pasif dengan perkataan *kena* dan ayat pasif dengan penanda pasif *tuuk* (ถูก);


(2a) Chali *kena* pukul oleh bapa. (BM)

(2b) ชาลีถูกพ่อตี [chali *tuuk* pho ti] (BT)

Struktur ayat pasif BM (2a) dengan menggunakan perkataan *kena* itu menghadiri sebelum kata kerja. Namun ayat BT(2b) perkataan ayat pasif *tuuk* (ถูก) itu tidak hadir sebelum kata kerja, tetapi diikuti oleh kata kerja. Seperti mana yang dijelaskan melalui rajah pohon ayat BM (2a) dan BT(2b) seperti yang berikut:



rumusan rajah pohon ayat BM (2a)



rumusan rajah pohon ayat BT (2b)

Ayat BM (2a) perkataan ayat pasif *kena* itu menghadiri sebelum kata kerja dasar dan diikuti dengan *oleh* dan frasa nama. Manakala ayat BT (2B), jelas bahawa struktur yang mempunyai perkataan pasif *tuuk* (ถูก) itu tidak muncul sebelum kata kerja dasar seperti mana yang terdapat dalam struktur ayat

pasif *kena* dalam bahasa Melayu. Maka berdasarkan kedua-dua rajah pohan tersebut dapat memberi perbezaan melalui rumusan pola ayat yang terdapat di bawah ini:

<b>BM: FN + <i>kena</i> + FK + <i>oleh</i> + FN</b>
---

<b>BT : FN + <i>tuuk</i> (ถูก) + FN +FK</b>
---

Walau bagaimanapun Struktur ayat pasif bahasa Melayu yang menggunakan perkataan *kena* dan ayat pasif yang berawalan *di-* itu dapat silih berganti kegunaannya, tetapi lebih banyak pengguna menggunakan ayat pasif berawalan *di-* dibandingkan dengan perkataan *kena*. Namun, bentuk pasif ini boleh juga digunakan untuk gaya bahasa sebagai pilihan lain. Seperti contoh kegunaan:

kegunaan penanda pasif *di-* : Pemandu itu *disaman* oleh polis.

kegunaan penanda pasif *kena* : Pemandu itu *kena* saman oleh polis.

Secara umumnya, didapati bahawa penanda pasif dalam bahasa Thai ialah perkataan *tuuk* (ถูก) dan *dairap* (ได้รับ) juga menggunakan pada bentuk ayat yang berbeza iaitu kegunaan penanda pasif *tuuk* (ถูก) itu kebiasaan perkataan *tuuk* (ถูก) terletak di hadapan kata kerja yang memberi makna kepada tidak kesesuaian seperti ayat เจ้าหน้าที่ถูกตำหนิ [caunati *tuuk* tamnit] ataupun kata kerja yang didahului oleh perkataan *tuuk* (ถูก) yang membawa makna kepada perkara yang kurang baik seperti เขาถูกสอนมาอย่างนี้ [khou *tuuk* son ma yang ni].


Oleh itu, berbeza dengan kegunaan penanda pasif *dairap* (ได้รับ) iaitu memberi makna kepada kebaikan seperti contoh สุทธิได้รับรางวัลจากครู [sukti *dairap* rangwan cak kru]. Walau bagaimanapun sekarang kata kerja yang didahului oleh pananda pasif *tuuk*(ถูก) dalam ayat pasif bahasa Thai juga memberi makna kepada tahap tengah-tengahan, tidak membawa kepada makna yang tidak sesuai.

## 2. Keguguran penanda pasif di antara ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai

Ayat pasif bahasa Melayu tidak dapat digugurkan penanda pasif seperti imbuhan awalan *di-* ataupun penandaan pasif *kena*, namun terdapat dalam bahasa Thai ayat pasif boleh muncul tanpa menggunakan penanda pasif seperti yang terdapat dalam contoh ayat di bawah:


(3a) Pintu rumah sudah *dibuka*. (BM)

(3b) ประตูบ้านถูกปิดแล้ว [praaktu ban pe:d IEow] (BT)



rumusan rajah pohon ayat BM (3a)

Ayat BM (3a), ternyata bahawa struktur ayat pasif dalam bahasa Melayu itu, berdiri daripada penanda pasif *di-*, tidak dapat digugurkan penanda pasif *di-*, kerana jika digugurkan pasif *di-* terdapat bahawa struktur ayat itu tidak gramatis.



rumusan rajah pohon ayat BT (3b)

Namun, ayat BT (3b), di atas terdapat bahawa struktur ayat pasif bahasa Thai boleh wujud tanpa penanda pasif dan terdapat juga bahawa kata bantu dalam bahasa Thai itu hadir selepas daripada kata kerja, berbeza dengan kata bantu dalam bahasa Melayu yang menghadiri sebelum kata kerja, seperti mana contoh yang diberikan di atas.


### 3. Ayat pasif tanpa pasif di antara ayat bahasa Melayu dan bahasa Thai

Struktur ayat pasif tanpa tanda pasif dalam bahasa Melayu, biasanya didapati bahawa ayat pasif kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua seperti cobtoh ayat (4a) dan mempunyai

struktur ayat dan sangat berbeza dengan struktur ayat pasif kata ganti nama diri ketiga seperti mana contoh-contoh yang diberikan sebelum ini. Naman ayat-ayat pasif bahasa Thai tiada berbeza struktur ayat pasif di antara kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga . Perhatikan contoh-contoh ayat pasif ganti nama diri pertama dan kedua yang akan dikemukakan berikut ini:

(4a) Buku itu saya baca. (BM)

(4b) Kesemua bil itu kamu baca semalam. (BM)




rumusan rajah pohon ayat BM (4a)

Perhatikan (4a) BM terdapat bahawa frasa nama yang menjadi subjek asal dalam ayat tersebut terdiri daripada jenis kata ganti nama diri pertama. Maka melalui rajah pohon tersebut, jelaslah struktur ayat pasif ada perbezaan dengan struktur ayat pasif kata ganti nama diri ketiga. Walau bagaimanapun ayat (4a) dan (4b) didapati juga bahawa ayat-ayat itu mempunyai struktur ayat pasif tanpa penanda pasif. Namun, sedemikian struktur (4a) dan (4b) hampir sama dengan struktur ayat pasif tanpa tanda pasif dalam bahasa Thai seperti:

(5a) ขนมห้วยนี้ฉันตัดไว้ [khanum thoai nii chan tak wai] BT

Penyusunan struktur ayat boleh dilihat pada rajah pohon seperti berikut:



rumusan rajah pohon ayat BT (5a)

## 60 วารสารมนุษยศาสตร์ ฉบับบัณฑิตศึกษา

Maka berdasarkan kedua-dua rajah pohan (4a) dan (5a) tersebut dapat jelaslah bahawa rumusan pola ayat yang terdapat seperti berikut:

<b>BM: FN + FN +FK</b>
<b>BT : FN + FN +FK</b>

### KESIMPULAN

Secara kesimpulan terdapat rumusan-rumusan di atas menyatakan bahawa struktur ayat pasif kedua-dua bahasa iaitu struktur ayat pasif bahasa Melayu dan bahasa Thai itu sangat ada persamaan dan perbezaan, seperti mana struktur ayat pasif yang mempunyai penanda pasif kata *kena* dalam bahasa Melayu itu menghadiri sebelum kata kerja, manakala dalam bahasa Thai penanda pasif perkataan *tuuk (ถูก)* itu tidak menghadiri sebelum kata kerja, tetapi menghadiri sebelum kata nama. Manakala penanda pasif awalan *di-* dalam bahasa Melayu dapat disamai dengan perkataan *dairab (ได้รับ)* dalam bahasa Thai, dan mempunyai struktur yang hampir sama dengan struktur ayat pasif awaklan *di-* dalam bahasa Melayu. Secara khususnya, terdapat juga bahawa struktur ayat pasif dalam bahasa Thai boleh gugur penanda pasif. Namun, berbeza dengan bahasa Melayu yang tidak dapat digugurkan penanda pasif seperti pasif *di-* ataupun penanda pasif *kena*.

Walau bagaimanapun contoh-contoh yang telah diberikan di atas hanya beberapa contoh ayat pasif sahaja, sebenarnya penanda-penanda ayat pasif dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai mempunyai banyak lebih daripada ini. Pengkaji mencadangkan kepada peminat struktur ayat-ayat pasif, khususnya peminat yang ingin membuat perbandingan antara kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai ataupun bahasa-bahasa lain, bolehlah menjalankan kajian yang lebih mendalam.

### RUJUKAN

กามารุดดีน อีสายะ. (2012). การศึกษาเปรียบเทียบหมวดคำ โครงสร้างวลี และโครงสร้างประโยค ระหว่าง

ภาษามลายูมาตรฐาน กับภาษาไทยมาตรฐาน. *วารสารปริชาต ฉบับพิเศษ*, (22), 49-63.

ประเสริฐ เย็นประสิทธิ์. (2013). ภาษามลายูน่ารู้. *วารสารฉบับอาเซียน*, 3, 69-79.

ประเทือง สุขแสง. (2555). *การวิเคราะห์และสังเคราะห์ประโยค*. สืบค้นจาก

<https://www.gotoknow.org/posts/314521>

วิจินต์ ภาณุพงศ์. (2524). *โครงสร้างของภาษาไทย: ระบบไวยากรณ์*. กรุงเทพฯ : มหาวิทยาลัยรามคำแหง.

Abdul Hamid Mahmood. (1992). *Ayat pasif bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. The Hague: Mouton De Gruyter.

Che Su et al. (2011). *Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu: satu perbandingan*. *Jurnal Linguistik*, 13, 1-12.

Ishak Ramly. (1996). Teori Linguistik Dan Penerapannya Dalam Pendidikan Bahasa. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(2), 139-145.

Kartini Abd. Wahab et al. (2011). *Morfem kena dalam bahasa Melayu: Ada berapa morfem? Kertas kerja, Persidangan Linguistik ASEAN V(PLA V)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et al. (2014). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wikipedia. (2017). *Bahasa Thai*. Retrieved from [https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Thai](https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Thai)